

05/08/2001

Harga Kelisa antara RM36,000, RM39,000

Wan Hazmir Bakar

RAWANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyempurnakan pengeluaran kenderaan Perodua ke-500,000 dan sekali gus memperkenalkan model baru Kelisa di kilang syarikat automobil nasional kedua itu di Sungai Choh, dekat sini.

Unit ke setengah juta itu juga adalah model baru Kelisa yang akan dilancarkan secara rasmi pada 24 Ogos ini. Orang ramai boleh membuat tempahan mulai esok.

Pada majlis itu, Perdana Menteri membuat pemeriksaan akhir terhadap unit pertama Perodua Kelisa itu sebelum menandatangani dan menampal sijil lulus.

Perodua kemudian menghadiahkan kereta itu kepada Dr Mahathir sebagai tanda penghargaan syarikat kepada sokongan serta pandangan yang diberikan Perdana Menteri selama ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Perodua, Raja Tun Mohar Raja Badiozaman dan Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab Rahman Omar.

Perodua Kelisa yang berasaskan model Daihatsu Mira dan menggunakan enjin serta casis sama dengan Perodua Kenari.

Kelisa dengan keupayaan enjin satu liter adalah model kelima Perodua selepas Kancil, Rusa, Kembara dan Kenari dan dijual berharga RM36,000 hingga RM39,000 seunit.

Dalam lawatan ke kilang itu, Perdana Menteri turut melancarkan bahagian kedua pemesian kepala silinder yang mampu mengeluarkan 70,000 unit kepala selinder setahun sebagai tambahan kepada 60,000 unit bagi bahagian sedia ada.

Dr Mahathir kemudian melawat pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) Perodua bagi melihat prototaip kereta konsep Perodua yang dibina menggunakan bahan termaju termasuk komposit serta dilengkapi peralatan canggih.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata kejayaan Perodua mengeluarkan 500,000 unit kenderaan dengan lima model dalam tempoh hanya tujuh tahun adalah bukti keupayaan rakyat Malaysia menguasai ilmu baru dalam tempoh singkat.

Katanya, beliau berpuas hati dengan kebolehan Perodua menggunakan teknologi terkini dalam proses pembuatan kereta serta reka bentuk model baru kenderaan keluarannya.

"Pengeluaran kini dilakukan secara automatik... semua bahagian enjin juga dibuat di Malaysia kecuali transmisi," katanya yang kagum dengan pembangunan pesat kilang pengeluaran Perodua yang kali terakhir beliau lawati pada 1995.

Dr Mahathir yakin Kelisa akan mendapat sambutan kerana reka bentuknya yang menarik.

Perodua mensasarkan penjualan 3,000 hingga 4,000 unit sebulan dengan 1,700 unit disediakan pada hari pelancaran selain mensasarkan penguasaan pasaran kenderaan tempatan meningkat daripada 28.3 peratus kepada 30 peratus.

Mengenai cadangan dua syarikat kenderaan Jepun meningkatkan pegangan ekuiti dalam Perodua, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata perkara itu masih dirundingkan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia perlu mengambil langkah bagi memastikan Perodua dapat bersaing dengan syarikat pengeluar kenderaan asing apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan kelak.

"Kita sedang runding dengan mereka sebab apabila Afta dilaksanakan dan kita tidak ada keupayaan bersaing kita akan kehilangan pasaran kita," katanya.

Pemegang tempatan saham Perodua ialah UMW Corp Sdn Bhd dengan 38 peratus, MBM Resources Bhd (20 peratus) dan PNB Resources Corp Sdn Bhd (10 peratus), manakala pemegang asing ialah Mitsui Ltd (tujuh peratus) dan Daihatsu Motor Co (25 peratus) termasuk 5 peratus menerusi Daihatsu (M) Sdn Bhd.

(END)